

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Asasi Pengurusan
Sent: Tuesday, May 8, 2018 1:29 PM
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Dr. Abd Razak B Yaakub; Prof. Madya Dr. Munif Zariruddin Fikri b. Nordin; Dr. Mohamed Ali bin Haniffa; Faizah Bt Hashim
Subject: ASASI APPRECIATION NIGHT 2017/2018 RAI 176 PELAJAR KOHORT KEEMPAT TAMAT PENGAJIAN



08 MEI 2018/ 22 SYAABAN 1439H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

ASASI APPRECIATION NIGHT 2017/2018 RAI 176 PELAJAR KOHORT KEEMPAT TAMAT PENGAJIAN



PAP On-line : Seramai 176 orang pelajar Program Asasi Pengurusan kohort keempat, sesi kemasukan 2017/2018 telah menamatkan pengajian peringkat prauniversiti baru-baru ini.

Kejayaan mereka itu telah diraikan dalam Majlis *Asasi Appreciation Night* 2017/2018 di TH Hotel & Convention Centre.

Turut bersama meraikan kejayaan tersebut ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim yang mewakili Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr.Mohamed Mustafa Ishak.

Beliau yang membacakan teks ucapan Naib Canselor berkata, para pelajar mestilah menggunakan peluang belajar di IPT sebaik mungkin kerana universiti merupakan gedung ilmu dan platform terbaik untuk membina modal insan yang berketerampilan, berdaya saing, inovatif dan kreatif. Para pelajar juga seharusnya mempunyai semangat daya saing yang tinggi di pasaran pekerjaan kelak dan menjadi aset berharga kepada negara.

Menurutnya, pada hari ini semangat perjuangan, kemuliaan, kesetiaan, keadilan dan maruah seperti kurang diutamakan. Para pelajar pada hari ini diharapkan agar jangan menjadi miskin jiwa dan cita-cita, miskin ilmu pengetahuan, miskin sahsiah dan juga miskin agama.

Justeru itu, menurutnya, pembinaan hati nurani merupakan elemen penting dalam melahirkan modal insan kelas pertama. Penerapan jiwa yang patriotik dan merdeka perlu diperluaskan dalam konteks mahasiswa dan mahasiswi di Malaysia bagi persediaan mendepani cabaran dan peluang Revolusi Perindustrian 4.0.

Sementara itu Pengarah Pusat Asasi Pengurusan, Prof Dr Abdul Razak Yaakub mengucapkan tahniah kepada semua pelajar kerana berjaya menamatkan pengajian selama tiga semester dengan jayanya.

Tambah beliau lagi, pada tahun ini juga, Pusat Asasi Pengurusan telah memperkenalkan dua anugerah bagi kategori tenaga pengajar iaitu Anugerah Tenaga Pengajar Terbaik (Lelaki dan Perempuan) serta Anugerah Mentor Pelajar Terbaik. Anugerah tersebut diperkenalkan bagi menghargai sumbangan para pensyarah yang telah memberi komitmen yang tinggi dalam menjayakan aktiviti akademik, pembangunan pelajar dan pentadbiran.

Penerima Anugerah Tenaga Pengajar Terbaik, Tuan Haji Ahmad Puat Abdul Hamid dan Puan Mahaliza Mahadhir, pensyarah Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP) yang ditemui selepas majlis melahirkan rasa kesyukuran kepada Allah s.w.t atas penghargaan yang diberikan oleh Pusat Asasi Pengurusan. Kedua-dua mereka berkata anugerah tersebut menjadi inspirasi kepada mereka untuk terus berbakti bagi mendidik para pelajar Program Asasi Pengurusan.

Anugerah Mentor Pelajar Terbaik diberikan kepada Puan Norazita Marina Abdul Aziz, Pensyarah daripada SLCP. Pemilihan pemenang dilakukan oleh pihak pengurusan Pusat Asasi Pengurusan berdasarkan kriteria yang ditetapkan.

Anugerah Tunas Bestari pada sesi 2017/2018 dianugerahkan kepada dua orang pelajar yang berjaya mengekalkan Purata Mata Keseluruhan (PMK) 4.00

pada Semester 1 dan 2 iaitu Thivya a/p Kalaiarasan dan Wan Nurafiqah Izyani Wan Mohd Rushidi. Kecemerlangan mereka di peringkat SPM dengan pencapaian 11A diteruskan semasa mengikuti Program Asasi Pengurusan di UUM.

Selain itu, penerima Anugerah Pelajar Cemerlang Akademik kategori lelaki dan perempuan iaitu Muhammad Ariff bin Haidar dan Noor Muniera Farhin binti Zamri

mengucapkan terima kasih kepada panel pemilih di Pusat Asasi Pengurusan kerana memilih mereka daripada 151 orang pelajar yang mendapat Anugerah Pengarah bagi Semester 1 dan 2. Prinsip yang dipegang oleh Muhammad Ariff iaitu “orang yang berimu, tidak akan sama dengan orang yang tidak berilmu” sentiasa menjadi pemangkin kepadanya untuk terus mencipta kejayaan.

Tokoh Pelajar bagi sesi 2017/2018, Adam Aiman bin Muhammad Razlan dan Aida Fatini binti Adri Kamal pula mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua exco Persatuan Pelajar Asasi Pengurusan Sesi 2017/2018 kerana telah banyak mengajar dan memberi kerjasama serta komitmen dalam menjayakan setiap aktiviti. Keduanya berpendapat, anugerah yang mereka terima bukanlah usaha dari mereka berdua, sebaliknya kerjasama daripada semua rakan exco.

Anugerah Sumbangsih turut diberikan kepada Presiden, Persatuan Pelajar Asasi Pengurusan, Muhammad Daniel bin Mohamad Ismail manakala Anugerah Pelajar Berdedikasi Tinggi diberikan kepada Farah Insyirah Habib Rahman.

Hadir sama Penolong Naib Canselor UUM COB, Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim, mewakili Naib Canselor UUM, Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Timbalan-Timbalan Pengarah Pusat Asasi Pengurusan, pegawai-pegawai kanan UUM dan tenaga pengajar serta staf Pusat Asasi Pengurusan.

TAMAT.

=====

DARIPADA:

**PUSAT ASASI PENGURUSAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

TEL.: 04-928 3452/3456

FAKS: 04-928 3453

E-MEL: asasi@uum.edu.my

FACEBOOK: Pusat Asasi Pengurusan

LANAMAN WEB : Pusat Asasi Pengurusan



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.